



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA RATIFIKASI KONVENTSYEN NO.155 OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH, 1981 (NO.155) BERSEMPENA PERSIDANGAN BURUH ANTARABANGSA SESI KE-112 DI GENEVA, SWITZERLAND

Pada 11 Jun 2024, YB Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia telah mendepositkan dokumen ratifikasi Konvensyen C155 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization – ILO*) sebagai sebahagian daripada langkah Kerajaan untuk memperkuatkannya aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Mei 2024 lalu. Dokumen ratifikasi tersebut telah diserahkan kepada Gilbert F. Houngbo, Ketua Pengarah ILO semasa menghadiri Persidangan Buruh Antarabangsa ke-112 di Geneva, Switzerland. Turut hadir semasa sesi tersebut adalah Presiden *Malaysia Employers Federation (MEF)* dan Presiden *Malaysian Trades Union Congress (MTUC)* selaku rakan tripartite Kerajaan.

Langkah ini adalah suatu tindakan positif Malaysia dalam menambah baik standard perburuhan negara khususnya dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang merupakan hak asasi global yang sangat penting. Pada masa yang sama, usaha tersebut akan menjadi pelengkap kepada pelaksanaan dasar dan perundungan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara susulan pindaan ke atas Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] (Pindaan) 2022 [Akta A1648] yang akan berkuat kuasa pada 1 Jun 2024.

Pada masa yang sama, langkah ini akan mempercepatkan usaha negara ke arah mencapai sasaran 8.8 di bawah Matlamat Pembangunan Lestari (*Strategic Development Goals – SDG*) yang menekankan perlindungan hak buruh dan promosi persekitaran kerja yang selamat dan terjamin untuk semua pekerja.

Kerajaan telah mengadakan perbincangan dan konsultasi dengan rakan tripartite iaitu MEF, MTUC serta turut mendapatkan pandangan pihak ILO sebelum membuat keputusan meratifikasi Konvensyen C155 ini. KESUMA akan mengadakan sesi pemakluman kepada semua pihak berkepentingan termasuk media mengenai ratifikasi ini dan keperluan pematuhannya. Langkah ini diharapkan akan membawa kepada peningkatan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di seluruh negara.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
11 JUN 2024**